

26 FEB 2003

Adnan-Cameron Highlands

PROJEK PEMBANGUNAN DI CAMERON HIGHLANDS MASIH DIBEKUKAN

KUANTAN, 26 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata semua kerja pembangunan di Cameron Highlands masih dibekukan sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Beliau berkata bagaimanapun, hanya kerja berkaitan membaiki saluran air dan kesan hakisan tanah dibenarkan dilakukan pada masa ini.

Pembekuan semua projek itu adalah "harga" yang terpaksa dibayar oleh pemaju yang mengingkari syarat-syarat pembangunan tanah yang ditetapkan, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco di sini, hari ini.

Pada 5 Feb lepas, beliau mengeluarkan arahan supaya semua projek pembangunan di kawasan itu dibekukan.

Sementara itu, Adnan menyambut baik kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim semalam bahawa pentadbir tanah yang meluluskan projek dan pihak yang memusnahkan kawasan tanah tinggi boleh dikenakan hukuman penjara selain denda.

Dr Rais berkata Akta Pentadbiran Tanah 1960 dan Kanun Tanah akan dipinda bagi menakrifkan kegiatan itu sebagai kesalahan mengikut Kanun Keseksaan.

Adnan berharap kerajaan Persekutuan menerusi kementerian-kementerian yang berkaitan dapat meminda undang-undang berkaitan pembangunan tanah sama ada ia milik kerajaan atau persendirian.

Menurutnya beliau berkesempatan menemui Dr Rais dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding untuk membincangkan perkara itu semasa beliau berada di Kuala Lumpur sempena perasmian Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 baru-baru ini.

"Saya turut beri pandangan kerajaan negeri bagaimana kerja-kerja yang tidak teratur kepada tanah dijadikan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, dan betapa pentingnya peraturan atau peruntukan di dalam Akta Pemulihan Tanah dan Akta Perancangan Bandar diperketatkan lagi," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyuarakan rasa sedih dengan pembangunan di Cameron Highlands yang mengabaikan soal alam sekitar sehingga menjejaskan keindahan kawasan itu.

Dr Mahathir berkata beliau kecewa kerana sebahagian tempat sudah diratakan sehingga tidak lagi kelihatan sebagai kawasan bukit bukau.

Sebelum ini, akhbar melaporkan sekumpulan syarikat menggunakan jentera berat untuk meratakan kawasan di Cameron Highlands, yang dahulunya sebahagian daripada ladang teh Blue Valley di Cameron Highlands, untuk tujuan penanaman tomato.

-- BERNAMA

MS NAK